

Islam sebagai Sistem Kepercayaan dan Cara Hidup

► Sidek Baba

Tasawur Islam hendaklah difahami sebagai suatu sistem kepercayaan dan cara hidup. Sistem kepercayaan menghubungkan aspek akidah tauhid dan mempertautkan diri manusia dengan Pencipta. Cara hidup pula terlihat dalam amalan manusia menerusi perlakuan ibadat, menghayati syariat dan ditunjangi dengan akhlak mulia. Hal ini merupakan syarat penting untuk menjadikan seseorang itu beriman, bertakwa dan melakukan amal soleh.

Orang yang beriman bukan sekadar yakin dan percaya akan kewujudan Allah SWT, tetapi memiliki rasa takwa dan menginsafi bahawa setiap sesuatu yang diucap dan diamalkan sentiasa dalam pengetahuan Allah SWT. Keinsafan ini menjadi daya kawalan kepada manusia untuk melakukan perkara yang makruf dan menghindarkan diri daripada kemungkaran. Apabila manusia lupa dan lalai, maka akan terjadilah hal-hal yang menyimpang. Rasa takwa bukan sekadar sebutan, tetapi berbentuk amalan dan berkaitan dengan Allah SWT. Mengingati Allah SWT bermakna kita mengingati Pencipta, lalu kita patuh dan taat akan titah perintah dan larangan-Nya.

Tuntutan iman dan takwa

Manusia yang tidak beriman dan bertakwa akan menjadikan akal dan nafsu sebagai pedoman, serta yakin bahawa menerusi akal semata-mata mereka mampu menyelesaikan masalah hidup. Nafsu juga mendorong manusia melakukan sesuatu tanpa memikirkan salah dan benarnya. Sebaliknya, orang yang beriman dan bertakwa akan memiliki kepercayaan dan keyakinan bahawa Allah SWT Maha Mengetahui segala yang difikirkan dan




Al-Quran dan sunah sebagai pedoman
Manusia juga hendaklah akur dengan pedoman dan petunjuk yang terdapat dalam al-Quran dan sunah Rasulullah SAW. Sunah mengandungi contoh dan sumber iktian yang bersifat manustawi kerana risalah al-Quran ditunjukkan kepada manusia. Risalah itu menjadi amalan Rasulullah SAW sebagai pesuruh Allah SWT, dan apabila manusia akur dengannya, maka akan wujud pekerti teladan kepada umat manusia. Fitrah diri manusia sentiasa mahukan akhlak yang baik, dan akur dengan contoh teladan yang baik bakal melahirkan masyarakat dan sistem yang baik.
Muslim yang benar-benar akur tersebut secara tidak langsung akan tunduk dengan perintah Allah SWT. Tunduk bermakna tidak wujud keengganan dan keingkararan untuk mengamalkan ajaran al-Quran dan sunah Rasulullah SAW. Al-Quran dan sunah merupakan pedoman dan petunjuk utama yang menjadikan insan memiliki kualiti iman dan

Allah SWT menyuruh manusia agar taat beribadat dan tidak ingkar terhadap perintah-Nya. Sifat taat ini menjadi syarat penting untuk mendidik manusia menjadi Muslim dan Mukmin yang baik. Perhatikan manusia yang tidak taat akan suruhan dan larangan Allah, hidup mereka hilang pedoman dan petunjuk sehingga menjadi simpang perenang. Gelagat ini akan menyusahkan orang lain dan peribadi mereka tidak dapat dijadikan contoh dan sumber iktian.
Hidup yang berasaskan kepakuan kepada syariat menjadikan manusia lebih tertib, teratur dan penuh disiplin. Orang yang memiliki disiplin yang tinggi tidak akan menghinna, mencemuh, memfitnah dan biadab terhadap orang lain lantaran perbuatan tersebut dibenci oleh Allah SWT dan merosakkan imej Islam. Patuh kepada keikhlasan, kejujuran dan bijaksana akan menjadikan diri kita dihormati dan menjadi sumber teladan bagi orang lain.

diniatkan, apatah lagi segala yang diucap dan dibuat. Perbandingan antara kedua-duanya boleh mendorong manusia membezakan antara perkara yang baik dengan yang buruk. Fitrah manusia sentiasa mahukan kebaikan. Oleh sebab itu, manusia perlu memiliki iman dan takwa sebagai asas keyakinan dan amalan.
Tujuan jin dan manusia diciptakan adalah untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT. Hal ini bermakna bahawa kehidupan manusia di dunia ini mempunyai tanggungjawab terhadap Allah SWT.
Menyempurnakan tanggungjawab tersebut akan memberikan hikmah yang besar bagi manusia. Tanggungjawab tersebut juga menjadikan manusia seorang yang amanah, jujur dan ikhlas kepada Allah SWT dan manusia. Hal tersebut membawa kerukunan dan rasa saling menghormati sesama manusia, khususnya yang bernama Muslim dan Mukmin. Itulah keutama dari segi akidah dan terjelma dalam ibadat atau cara hidup.

Sunah Rasulullah SAW sangat luas dan mencakupi semua perkara, bukan sahaja dari segi akidah, malah dari segi ibadat, syariat dan akhlak. Inilah faktor yang menujungi cara hidup yang amat bermakna kepada manusia.



takwa. Hal tersebut menjadi prasyarat hubungan dengan Allah SWT bertaut dengan ikatan akidah yang mantap dan terhubung dengan manusia berpedomankan sunah yang membimbing manusia menjadi insan yang sempurna.

Taat, patuh, akur dan tunduk merupakan lambang jiwa kehambaan yang tinggi kerana sifat tersebut menjiwai sifat *taqarrub ilallah*, iaitu kehampiran atau kedekatan kita dengan Allah SWT secara amali. Sifat ini menjadi impian setiap Muslim dan Mukmin kerana ibadat mereka akan diterima oleh Allah SWT dengan balasan yang setimpal. Inilah cara hidup Islam hasil ketaatan, kepatuhan, ketundukan dan keakuran terhadap titah perintah Allah SWT seperti yang terakam dalam al-Quran dan terserlah dengan sunah Rasulullah SAW yang menjadi contoh teladan yang baik dalam penghayatan diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Sunah Rasulullah SAW sangat luas dan mencakupi semua perkara, bukan sahaja dari segi akidah, malah dari segi ibadat, syariat dan akhlak. Inilah faktor yang menunjangi cara hidup yang amat bermakna kepada


manusia. Anak-anak yang terdidik dengan ilmu dan kemahiran yang berguna akan menjadi orang dewasa yang adil dan amanah kerana dirinya terdidik dengan ibu bapa dan guru sebagai contoh dalam pembentukan diri. Inilah asas penting yang memberikan pedoman kepada cara hidup Muslim dan Mukmin yang memiliki etika keihisanan yang amalannya berbeza dengan orang yang tidak beretika.

Mendepani cabaran era globalisasi

Cabaran hidup inilah yang dihadapi oleh manusia di seluruh dunia. Aliran ideologi yang berbeza menimbulkan pertentangan yang tajam. Perhatikan keadaan negara Ukraine yang digempur oleh pihak Russia sehingga menyebabkan banyak kematian, kemusnahan harta benda dan berlakunya jumlah pelarian yang luar biasa. Lihat juga keadaan warga Palestin yang dibunuh dan diburu oleh pihak Israel dengan kejamnya. Badan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Majlis Keselamatan tidak boleh berbuat apa-apa dan sekali-sekala hanya

mengeluarkan kenyataan tanpa ada apa-apa tindakan yang berkesan. Inilah arus gelombang kuasa besar terhadap kuasa kecil yang hanya memiliki semangat juang, tetapi tidak mempunyai upaya persenjataan bagi menghadapi pihak lawan.

Jelas bahawa situasi ini bukan cara hidup yang dianjurkan oleh agama. Cara hidup Islam menganjurkan sikap saling menghormati yang tinggi antara seorang manusia dengan manusia yang lain. Asas *li taarrafu* atau rasa kekenalan menjadi pedoman hidup dan konsep "kamu agama kamu dan kami agama kami" diharapkan terjadi. Namun begitu, jika umat Islam diserang, mereka berhak mempertahankan diri. Inilah yang berlaku dalam dalam sejarah umat Islam di mana-mana. Oleh sebab pupusnya etika qurani yang sepatutnya menjadi amalan umat manusia, maka kezaliman berlaku di mana-mana dan akhirnya kedamaian tidak terjadi sehingga peperangan mengambil tempat atas nama keangkuhan kuasa dan kesombongan ideologi. Hal ini menyebabkan kuasa Barat di bawah gagasan ketenteraan Nato dan kuasa komunis Russia



Islam menganjurkan kepada umatnya sifat amanah, adil, tulus dan telus yang perlu ada pada setiap manusia supaya masing-masing bersedia mempertahankan dan memperjuangkannya.

dan Cina boleh menggertak dan mengugut antara satu sama lain terutama dalam kalangan negara-negara kecil yang tidak mempunyai persamaan ideologi dengan mereka. Negara-negara kecil sering menjadi mangsa dan terpaksa tunduk dengan ideologi dan fahaman yang mereka bawa.

Usaha memupuk perpaduan ummah

Malaysia memerlukan landasan agama untuk menjadi tonggak keamanan dan perdamaian. Islam bukan sahaja memiliki sistem kepercayaan yang kukuh, tetapi juga cara hidup yang sifatnya membimbing dan memberikan pedoman. Islam menganjurkan kepada umatnya sifat amanah, adil, tulus dan telus yang perlu ada pada setiap manusia supaya masing-masing bersedia mempertahankan dan memperjuangkannya. Dalam situasi masyarakat majmuk, sifat-sifat yang baik itu amat diperlukan. Dengan sifat yang baik itu toleransi dan persefahaman mudah berlaku. Usaha menyemarakkan perbezaan kaum dan agama boleh menyebabkan timbul rasa iri hati dan sangsi antara satu pihak dengan pihak yang lain.

Pendekatan monopoli dalam perniagaan pula akan menyebabkan golongan yang kaya dan mempunyai modal menguasai golongan yang lemah dan kekurangan modal. Keadaan begini boleh menyebabkan berlaku ketidakadilan. Masyarakat Malaysia digalakkan bekerjasama dan saling membantu supaya wujud keamanan dan perpaduan yang merupakan kunci terhadap

kesejahteraan negara. Pihak yang memiliki kekuatan ekonomi tidak boleh melakukan penindasan terhadap pihak yang lemah kerana hal tersebut boleh menyebabkan krisis perkauman.

Krisis perkauman di Malaysia harus dibendung dengan mengamalkan prinsip adil, amanah dan timbang rasa supaya semua pihak mempunyai peluang yang seimbang dalam pengurusan politik, ekonomi dan pendidikan. Meskipun hal tersebut ideal, tetapi itulah pilihan cara hidup yang perlu ada bagi masyarakat Malaysia. Cara hidup ini mesti menjadi pedoman dan amalan masyarakat majmuk. Kelompok peribumi atau kelompok teras tidak boleh dibiarkan terus terpinggir kerana situasi itu merupakan petanda bahaya. Masyarakat teras akan berasa terasing daripada proses pembangunan negara. Strategi membangunkan masyarakat teras mestilah menjadi agenda utama kerana dengan wujudnya keseimbangan dalam semua bidang, perpaduan dan kedamaian dapat diwujudkan.

Cabaran dunia tanpa sempadan

Pengalaman berdepan dengan musibah COVID-19 dan banjir telah meletakkan masyarakat teras semakin terpinggir. Masyarakat teras mesti berubah daripada bergantung pada kerajaan ke arah berjiwa mandiri supaya mampu bersaing dalam bidang ekonomi, pendidikan dan bidang yang lain. Ada kemajuan berlaku dalam bidang



pendidikan dan usaha niaga sejak 60 tahun yang lalu sejak Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan, tetapi belum mencapai ekuiti atau pegangan yang dimatlamatkan. Hal tersebut pula mewujudkan kegencatan kerana bencana COVID-19 dan banjir yang berlaku dalam tempoh dua tahun ini. Perubahan sikap amat dituntut, amalan rasuah dan salah guna kuasa dalam kalangan orang politik dan pengurusan negara juga perlu dibendung. Hal tersebut menjadi lebih sukar kerana wujud sikap selesa dan kebergantungan, sedangkan realitinya menuntut persaingan. Masyarakat Malaysia perlu menghayati hidup beragama dengan menjadikan kepimpinan contoh sebagai agenda utama kerana belum tentu remaja 18 tahun mendapat pendedahan yang baik tanpa mempunyai pendedahan tentang perlunya generasi muda dididik dan dilatih dengan memiliki sifat adil, jujur dan amanah. Masyarakat teras harus bangun kembali dengan etika tinggi ke arah perubahan dan pembangunan yang lebih bermakna. 🌍